

Pengaruh Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Jepun Murid Sekolah Menengah Kebangsaan

The Influence of Motivation in Learning Japanese Language on Secondary School Students

NOR SAHAYU HAMZAH, ZAID MOHD ZIN & MOHD ABDUL GHAFAR MOHD GHAZALI

ABSTRAK

Kajian berkaitan dengan kelangsungan proses pembelajaran bahasa bukan natif masih kurang dilaksanakan sehingga hari ini. Isu ini dapat ditemukan terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang merupakan sumber primer dalam pembelajaran bahasa asing di Malaysia. Kajian ini dijalankan terhadap murid sekolah menengah harian untuk mengenal pasti jenis-jenis motivasi yang hadir dalam kalangan pelajar dalam pembelajaran bahasa Jepun. Kajian memfokuskan perkaitan antara motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang diamalkan oleh murid di dalam dan di luar bilik darjah. Sampel kajian terdiri daripada 27 orang murid tingkatan 2 Sekolah Menengah Sultan Salahuddin Aziz Shah (SSAS), Shah Alam. Sekolah ini dipilih kerana ia merupakan sekolah menengah harian biasa yang menawarkan kursus Bahasa Jepun. Borang soal selidik digunakan bagi mendapatkan data yang berkaitan dengan faktor motivasi yang paling dominan dalam kalangan pelajar untuk mempelajari bahasa Jepun. Analisa kajian yang berasaskan data deskriptif hanya memfokuskan kepada bilangan dan peratusan sahaja. Dapatan kajian menjelaskan bahawa akses dalam talian dan penggunaan media massa membantu murid dalam pembelajaran bahasa bukan natif. Faktor ini merupakan faktor motivasi intrinsik manakala faktor ekstrinsik pula memperlihatkan tahap kebergantungan tinggi terhadap rakan berbanding guru adalah yang paling dominan. Kesimpulannya, kajian ini mendapati peratusan keseluruhan motivasi intrinsik lebih berpengaruh berbanding keputusan yang lain.

Kata kunci: Sikap; motivasi; pembelajaran bahasa Jepun

ABSTRACT

Studies on the sustainability and survival of non-native language learning processes are still lacking to this day. Such an issue can be found especially among secondary school students who could be the primary source of foreign language learning in Malaysia. This study was conducted among secondary school students. It aims to identify the types of motivation among students in learning Japanese language. The study focuses on the relationship between intrinsic and extrinsic motivation practiced by the students in and outside the classroom. The study sample consisted of 27 students from Sultan Salahuddin Aziz Shah Secondary School (SSAS), Shah Alam. The questionnaire technique was used to obtain data of the most motivating factor among students to learn Japanese language. The findings show that online access and mass media uses help the non-native language learners. This factor is found to be an intrinsic motivation factor while the extrinsic factor shows a high degree of dependence on peers over teachers. The study concludes that overall percentage of intrinsic motivation was more influential than the other results.

Keywords: Attitude; motivation; Japanese language learning

PENDAHULUAN

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, terkandung anjakan untuk pembangunan bahasa asing kepada murid selain penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa utama serta pemantapan bahasa Inggeris. Di samping itu, kementerian akan menggalakkan semua murid mempelajari bahasa lain sebagai bahasa tambahan. Bagi merealisasikan aspirasi kerajaan tersebut, penyelidik yang merupakan guru bahasa Jepun di sekolah menengah Kementerian

Pendidikan Malaysia (KPM) yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan pelan tersebut, merasakan perlunya menyumbang sesuatu dalam meningkatkan mutu pengajaran dan pemudah cara agar dapat melahirkan murid yang berjaya dalam penggunaan bahasa Jepun di peringkat sekolah menengah merupakan satu merit dan nilai tambah dalam era globalisasi pada hari ini.

Hasil tinjauan The Japan Foundation (2017) terdapat 176 buah institusi yang menawarkan bahasa Jepun di seluruh Malaysia sama ada Institut Pengajian Tinggi (IPT) kerajaan ataupun Institut

Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Ini termasuklah di sekolah menengah kerajaan terutamanya di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) sejumlah 54 buah manakala di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) harian pula sebanyak 68 buah telah menawarkan bahasa Jepun sebagai mata pelajaran elektif tambahan (KPM 2019). Peningkatan sekolah harian yang menawarkan bahasa Jepun merupakan perkembangan yang positif terhadap penerimaan bahasa Jepun dalam sekolah. Pihak KPM dalam usaha memartabatkan pembelajaran bahasa asing khususnya bahasa Jepun sebanyak 64 jam setahun diperuntukkan dalam silibus Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) mulai tahun 2017 berdasarkan laporan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK 2016).

Pelajar yang mengikuti mata pelajaran bahasa Jepun di SMK harian biasa terdiri daripada latar belakang pendidikan dan bangsa yang berbeza. Pembelajaran bahasa Jepun secara formal diperkenalkan bermula daripada tingkatan 1 SMK di seluruh Malaysia bagi sekolah-sekolah yang terpilih. Gardner (2005) menyatakan bahawa faktor dalaman dan faktor luaran pelajar itu sangat mempengaruhi persekitaran pembelajaran, Rohaty Mohd Majzub (1992) dalam bukunya *Psikologi Perkembangan Untuk Bakal Guru* turut menjelaskan faktor dalam diri manusia itu dapat dikaitkan dengan usaha yang dilakukan untuk mencapai sesuatu yang dikehendaki olehnya.

Dianggarkan bilangan penutur yang mampu berkomunikasi dalam bahasa Jepun meningkat kepada angka 30,000 orang berdasarkan laporan Japan Foundation (2017). Peningkatan ini memperlihatkan motivasi yang dirangsang kepada murid bersifat motif yang terdiri daripada keperluan untuk belajar bahasa asing. Pengaruh pemikiran serta tingkah laku dan emosi pembelajaran timbul daripada keperluannya atau dorongan pihak tertentu.

PERNYATAAN MASALAH

Penguasaan bahasa asing merupakan nilai tambah individu memandangkan bahasa merupakan faktor utama dalam komunikasi. Oleh yang demikian disarankan pembelajaran bahasa asing di peringkat sekolah menengah, IPT mahupun IPTS sebagai permulaan positif dalam menghadapi era globalisasi, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT 2019). Dalam satu kenyataan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan Jepun di bawah Kementerian Pendidikan Jepun yang dikenali sebagai [文部科

学省] Manbukagakusho, turut mempelawa pelajar universiti untuk memohon biasiswa pengajian bahasa dan kebudayaan bahasa Jepun selama setahun bermula pada bulan Oktober setiap tahun. Berdasarkan permohonan yang disertakan syarat, mahir berbahasa Jepun, mengakibatkan kekangan kepada murid untuk melebarkan sayap pengajian ke peringkat antarabangsa, Embassy of Japan (2019)

Kemampuan murid untuk berbahasa Jepun berkait rapat dengan motivasi intrinsik dan ekstrinsik murid tersebut untuk menguasai bahasa berkenaan. Gardner (2005) menyatakan bahawa motivasi dalaman merupakan sikap diri pelajar itu sendiri sebagai faktor yang dianggap dominan dalam proses pembelajaran bahasa bukan natif. Hal ini turut di sokong oleh Nurul Najwa Ahmad Yalani dan Noor Raudhiah Abu Bakar (2017) dalam kajiannya menyatakan tahap penguasaan bahasa asing boleh diatasi dengan mengetahui faktor-faktor yang mendorong penguasaan tersebut. Seiring dengan perkara tersebut pihak berwajib dapat membantu murid untuk memperbaiki kelemahan dengan meningkatkan tahap motivasi murid. Sehubungan dengan itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian tentang jenis motivasi di SMK harian perlu dilaksanakan.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti jenis motivasi murid yang mempengaruhi pelajar sekolah menengah harian terhadap pembelajaran bahasa Jepun.
2. Menganalisis faktor motivasi yang dominan dalam pembelajaran bahasa Jepun dalam kalangan murid di SMK harian.

SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji jenis motivasi yang mempengaruhi murid sekolah menengah harian terhadap pembelajaran bahasa Jepun. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis faktor motivasi yang dominan terhadap murid di Sekolah Menengah Sultan Salahuddin Aziz Shah (SSAS) Shah Alam. Di samping itu, kajian ini melibatkan populasi seramai 27 orang pelajar tingkatan 2 daripada latar pendidikan dan bangsa yang berbeza. Murid-murid ini telah mengikuti silibus KSSM dengan tempoh pembelajaran selama 64 jam secara formal di tingkatan 1. Kaedah pensampelan secara rawak

bertujuan untuk memastikan data yang diperoleh lebih efektif. Kaedah ini dipilih kerana populasi kajian meliputi latar belakang yang berbeza daripada segi jantina dan bangsa. Penyelidik melaksanakan kajian tinjauan lapangan dengan menggunakan borang soal selidik, pemerhatian dan kepustakaan. Instrumen kajian ini menggunakan komponen *Attitude Motivation Battery Test* oleh Robert C. Gardner (2005). Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah berkaitan dengan demografi responden serta tiada pengaruh motivasi atau non motivasi. Soalan-soalan yang dikemukakan dalam bahagian ini berkaitan dengan nama, umur, jantina responden, tingkatan, keturunan serta bahasa-bahasa yang diguna dalam komunikasi atau dipelajari sehingga pendidikan terkini. Soalan di bahagian B pula terbahagi kepada dua bahagian iaitu berkaitan faktor-faktor yang mendorong responden mempelajari bahasa Jepun. Pemboleh ubah bebas iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik masing-masing sebanyak 3 item. Kesemua item disertakan dengan ruang jawapan ya atau tidak sahaja. Responden hanya perlu menandakan jawapan ya atau tidak berdasarkan pernyataan yang diberikan.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan di salah sebuah sekolah di Daerah Petaling Perdana, Shah Alam. Sekolah yang terpilih adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Salahudin Aziz Shah. Justifikasi pemilihan sekolah ini kerana keputusan pencapaian peperiksaan yang cemerlang. Murid sekolah ini telah mendapat keputusan lulus 100 peratus dalam ujian kelayakan pencapaian bahasa Jepun selama 3 tahun berturut-turut. Sekolah ini merupakan SMK harian biasa yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun dalam kalangan berbilang kaum. Seramai 27 orang murid tingkatan dua menjadi responden dalam kajian ini.

KAJIAN KEPUSTAKAAN


Perkataan motivasi adalah berasal daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu 'motivation'. Perkataan asalnya ialah "Motive" juga telah dipinjam oleh bahasa Melayu kepada motif, yakni bermaksud tujuan. Dalam pembelajaran bahasa bukan natif, Gardner (2005) merupakan

pelopor dalam kajian pengaruh bidang pengajaran bahasa asing kepada penutur bukan natif. Gardner (1998) menerusi Gardner (1972) menyatakan terdapat 3 aspek penting dalam membina motivasi terhadap bahasa dan budaya sesuatu masyarakat. Perkara pertama adalah merujuk kepada keyakinan seseorang terhadap apa yang ingin dicapai sebagai komponen kognitif. Kedua, bilangan perasaan baik atau buruk individu terhadap matlamat yang ingin diperoleh sebagai komponen afektif. Seterusnya yang terakhir niat yang merujuk kepada tingkah laku sebenar kepada perkara sasaran sebagai komponen behavioral. Kajian tentang motivasi dalam konteks pembelajaran dan pemerolehan bahasa bukan natif telah dipelopori oleh teori Gardner yang melihat motivasi daripada dua kategori, iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Dalam pembelajaran bahasa bukan natif motivasi intrinsik menggariskan bahawa penutur bukan natif mempunyai sifat sendiri yang positif dalam mempelajari bahasa bukan natif dan budaya bangsa tersebut. Manakala motivasi ekstrinsik pelajar bahasa bukan natif perlu belajar dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu yang bersifat ganjaran dan kebendaan.

Saedah Siraj (1996) menyatakan motivasi merupakan kecenderungan seseorang itu melakukan sesuatu. Sama ada kecenderungan itu hadir dengan kehendaknya atau dengan persekitaran yang terlibat untuk mencapai tujuan tertentu. Motivasi juga dianggap sebagai rangsangan atau pendorong kepada seseorang itu mencapai kejayaan yang dikehendaki. Wan Rafaei Abdul Rahman (1993) memberi pandangan tentang motivasi sebagai satu bentuk tenaga dalaman kepada tingkah laku seseorang dalam menyalurkan sebuah matlamat. Mohammad Shatar Sabran (2005) menyatakan pandangan lain tentang motivasi iaitu sebahagian daripada proses yang menghasilkan kecenderungan yang mengarah kepada tujuan tertentu. Sehubungan itu, motivasi mampu bersifat dorongan daripada dalam diri individu iaitu motif yang mampu menggerakkan individu untuk mencapai keinginannya. Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi individu hadir dalam diri individu yang melibatkan perkembangan pendidikan, pengalaman lampau, pembawaan atau sikap individu itu sendiri dan keinginan yang ingin digapai atau harapan terhadap perubahan dirinya di masa depan. Selain itu faktor bukan diri individu melibatkan dorongan serta bimbingan yang diperoleh dalam mencapai sesuatu keinginan. Seterusnya persekitaran tempat kerja atau ruang

lingkup pencarian nafkah individu tersebut. Faktor yang lain ialah peranan pemimpin atau ketua yang membawa kepada perubahan serta tuntutan organisasi yang melibatkan bidang tugasnya.

Menurut Ridzuan Masri, Arman Ahmad & Razlina Abd Rani (2018) dalam kajiannya menerangkan Teori Maslow berdasarkan Asas Motivasi Maslow dan Asas Motivasi Pekerja oleh L. Stum (2001) aras keperluan manusia diterima dalam dunia akademik dan pengamal pengurusan organisasi moden untuk meningkatkan prestasi organisasi. Seseorang itu dianggap akan bermotivasi disebabkan oleh sesuatu matlamat. Matlamat ini merupakan satu keperluan yang perlu dipenuhi oleh semua manusia tanpa mengira budaya, persekitaran dan perbezaan generasi. Maslow dalam "*A Theory of Human Motivation*" menyatakan terdapat lima tahap keperluan manusia seperti rajah 1 di bawah.



RAJAH 1. A Theory of Human Motivation

Manakala yang kedua merupakan motivasi psikologi yang juga terbahagi kepada dua, dalaman dan luaran. Motivasi dalaman lebih dikenali sebagai motivasi intrinsik manakala motivasi luaran pula sebagai motivasi ekstrinsik.

Motivasi Intrinsik merupakan motivasi dalaman. Bagi memenuhi keperluan fisiologi dan psikologi dorongan intrinsik ini timbul secara semula jadi. Jenis motivasi ini berhubung rapat dengan faktor alami seperti keperluan, minat, kepuasan diri, rasa ingin tahu yang mendorong seseorang itu mengatasi kelemahan diri untuk mencapai matlamatnya. Hal ini dapat dijelaskan lagi dengan analogi, apabila sesuatu kehendak itu ingin dicapai, seseorang tidak memerlukan alasan lain untuk terus berusaha mendapatkannya atau sebarang bentuk peneguhan untuk mendorong perbuatannya. Ini kerana mencapai matlamat yang diinginkan adalah bentuk kepuasan dalaman atau motivasi intrinsik.

Motivasi Ekstrinsik pula merupakan motivasi luaran. Motivasi jenis ini sering disifatkan sebagai perlakuan atau pergerakan untuk mencapai matlamat dengan bantuan faktor lain. Segala jenis matlamat ini hanya dilakukan sekiranya mempunyai ganjaran. Aditya Kamajaya Putra dan Agus Frianto (2018) menyatakan bahawa pekerja melaksanakan tugas yang baik untuk mengharapkan penghargaan majikannya atau kenaikan pangkat dalam kajiannya. Oleh hal yang demikian, motivasi ekstrinsik wujud disebabkan oleh keinginan kepada ganjaran dalam bentuk pengiktirafan pangkat, sijil, hadiah mahupun pujian. Meskipun demikian Rohaty Mohd Majzub (1992) menyatakan motivasi ekstrinsik mampu mengakibatkan pelajar merasakan dirinya di manipulasi oleh keadaan yang terdesak. Malahan motivasi jenis ini dianggap sukar untuk dikekalkan dalam konteks tertentu. Selain daripada terlalu bergantung kepada faktor luaran untuk membentuk pergerakan ke arah satu matlamat.

SOROTAN KAJIAN

Aditya Kamajaya Putra dan Agus Frianto (2018) dalam kajiannya "*Pengaruh Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik Terhadap Kepuasan Kerja*" menyatakan bahawa motivasi intrinsik bersifat dorongan dalam diri sendiri. Sebagai contoh dalam kajian ini penulis menjelaskan tentang kesedaran dalam diri tentang kepentingan serta manfaat kerja yang dilakukan itu sebenarnya akan berbalik kepadanya. Seterusnya motivasi intrinsik disifatkan sumber luar atau dorongan lain yang menyebabkan seseorang itu perlu melakukan sesuatu tugas yang diberikan dengan tanggungjawab. Dalam hal ini, gaji, elaun, pangkat sijil mahupun pujian merupakan bentuk-bentuk motivasi luar yang mempengaruhi tahap dedikasi seseorang pekerja dengan tugas yang diberikan kepadanya. Dapatan kajian ini menjelaskan motivasi intrinsik lebih dominan berbanding ekstrinsik dalam kalangan responden yang bertugas sebagai pegawai di bahagian sumber daya manusia di PT. Gresik, Indonesia.

Berbeza pula dengan Rosmaza Sukardi, Harun Baharudin, Maimun Aqsha Lubis (2016) yang menyatakan tentang motivasi ekstrinsik melalui konsep gamifikasi membantu murid menangani rasa bosan dan jemu dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Oleh yang demikian pembelajaran bahasa bukan natif dianggap berkesan serta berkait rapat dengan timbulnya konsep permainan dalam proses

pembelajaran. Motivasi juga ditakrifkan sebagai tenaga luaran atau ekstrinsik yang mendorong untuk melonjak kepada keinginan murid mencapai sesuatu matlamat yang ditetapkan. Kajian ini juga menjelaskan perihal situasi pengajaran dan pembelajaran yang menarik dengan penggunaan permainan sebagai bahan bantu belajar. Pembelajaran bahasa bukan natif yang dianggap berkesan dengan penggunaan konsep gamifikasi yang diperkenalkan dalam bahasa sasaran. Hal ini mampu meningkatkan keseronokan serta memudahkan penguasaan bahasa bukan natif kepada murid. Penulis merasakan bahawa perasaan jemu, bosan dan kurang penglibatan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran pula adalah antara kelemahan yang perlu di atasi dalam pengajaran. Secara tidak langsung keseronokan belajar berbantuan bahan bantu belajar menyebabkan pelajar mampu menguasai bahasa bukan natif di bawah minda sedar. Dalam hal ini motivasi ekstrinsik melalui konsep gamifikasi perlu dilakukan bagi meningkatkan penguasaan pelajar dalam bahasa sasaran. Pendidikan Alaf ke 21 (PAK 21) mendukung penggunaan teknologi komunikasi maklumat sebagai salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam usaha untuk membuka minda dan perspektif murid kepada dunia luar yang semakin mencabar, Utusan Online (2018). Satu bentuk anjakan paradigma perlu dilakukan oleh pendidik untuk membantu murid meningkatkan motivasi dan bersaing dalam pembelajaran bahasa asing.

Pendapat ini turut disokong oleh Mohd Syuhaidi Abu Bakar, Norsyahirah Ngah@Muhammad (2018) dalam kajiannya mengenai “Tahap Motivasi dan Tanggapan Pembaca Matang Terhadap Naskhah Terbitan Buku FIXI” mendapati gaya hidup dan minat yang selari dengan cara penulisan buku FIXI menyebabkan responden meminati buku FIXI. Seseorang individu mudah mempelajari sesuatu yang berkait rapat dengan cara atau pengalamannya tersendiri. Sebagai contoh, budaya kehidupan dalam novel FIXI begitu rapat dengan pembaca serta menjadi ikutan ramai generasi muda hari ini. Oleh yang demikian cara penulisan yang santai menarik minat responden untuk melanggan bentuk bacaan sebegini merupakan dorongan ekstrinsik kepada mereka.

Roslina et al. (2018) dalam kajiannya “Penggunaan *Manga* dan *Anime* sebagai Media Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Bahasa Jepun di Universiti Awam Malaysia” menjelaskan bahawa penggunaan *manga* dan *anime* dianggap sebagai bahan bantu belajar kepada pelajar di dua buah universiti tempatan yang mempelajari bahasa

Jepun sebagai mata pelajaran elektif. Kajian ini melibatkan 86 responden lelaki dan perempuan. Dapatan kajian menunjukkan responden yang meminati *manga* dan *anime* secara tidak langsung memperoleh keputusan yang lebih baik dalam ujian berbanding responden yang kurang meminati bahan ini. Hal ini menunjukkan minat terhadap sesuatu merupakan pendorong kepada seseorang dalam mencapai matlamatnya untuk mempelajari bahasa Jepun. Responden memiliki motivasi intrinsik untuk mencari bahan yang mampu membantu diri mendapat keputusan yang baik. Pemilihan kosa kata dan frasa atau ayat dalam *manga* dan *anime* yang mudah dianggap bersesuaian dengan situasi perbualan. Hal ini jelas menunjukkan terdapat signifikan minat kepada bahan berbentuk *manga* dan *anime* menjurus kepada kefahaman dalam pembelajaran bahasa Jepun di dalam kelas. Sebanyak tujuh puluh sembilan peratus (79%) responden telah bersetuju menganggap minat terdapat pembacaan *manga* mahupun tontonan *anime* di media massa dapat membantu meningkatkan kemahiran membaca, menulis dan lisan dalam bahasa Jepun. Bentuk dorongan motivasi dalaman atas keinginan sendiri dapat menangani kelemahan dalam penguasaan bahasa bukan natif dilihat memberi keputusan yang memberangsangkan.


Zamri et al. (2018) dalam kajiannya, “Peranan Faktor Demografik dalam Hubungan Antara Motivasi, Gaya Pembelajaran, Disiplin Pembelajaran dan Pencapaian Akademik Murid”, menyatakan bahawa hipotesis awal jantina mempunyai peranan dalam hubungan motivasi. Pengkaji melaksanakan kajian ke atas murid tingkatan 4 yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Islam seramai 260 orang. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk melihat kesan moderator berdasarkan 4 hipotesis awal. Dapatan kajian menjelaskan bilangan sokongan yang menyatakan berlaku kesan moderator dan tidak disokong yakni tidak menjadi kesan moderator pada kadar yang sama bagi jantina responden lelaki dan perempuan nisbah 2:2. Ini bermakna 2 hipotesis lelaki dan perempuan menyokong hipotesis awal dan 2 keputusan lagi tidak menyokong hipotesis berdasarkan dapatan kajian. Dapatan dianalisis menggunakan Model Persamaan Berstruktur (Structural Equation Modeling-SEM) berbantuan program IBM-SPSS-AMOS versi 21.0. SEM.

Muhamad Aizat bin Nordin dan Siti Huzaifah binti Mohammad (2018) melalui kajian “Hubungan Antara Motivasi Kendiri dengan Pencapaian Matematik Pelajar Tingkatan 5 di Daerah Rompin ”

memberi kesimpulan bahawa pencapaian matematik dalam kalangan murid tingkatan 5 daerah Rompin dipengaruhi oleh motivasi sendiri murid itu sendiri berdasarkan soal selidik yang diedarkan. Guru merupakan pemudah cara dalam pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, kajian ini turut mencadangkan Prinsip *Premack* iaitu menghubungkan aktiviti yang diminati oleh murid untuk mengukuhkan tingkah laku dalam pembelajaran Matematik. Seterusnya murid bertanggungjawab untuk memupuk motivasi intrinsiknya dalam menguasai sesuatu mata pelajaran.

METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan secara deskriptif. Pengkaji menyelidik untuk mendapatkan maklumat perihal motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam kalangan pelajar SMK harian dalam pembelajaran bahasa Jepun. Soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini dengan menyediakan set soal selidik yang terbahagi kepada 3 bahagian. Bahagian A merupakan demografi murid manakala bahagian B di bahagi kepada 2 bahagian iaitu item 1 hingga 3 berkaitan dengan motivasi intrinsik dan item 4 hingga 6 berkaitan dengan motivasi ekstrinsik. Soal selidik bertujuan untuk mendapat maklum balas terhadap kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Kajian ini dilaksanakan kepada murid bahasa Jepun tingkat 2 yang telah mengikuti silibus KSSM 2017. Seramai 27 responden yang terlibat. Skop kajian hanya tertumpu kepada jenis motivasi yang mendorong pelajar mempelajari bahasa Jepun di peringkat SMK harian. Reka bentuk kajian dapat dihuraikan pada rajah 2 seperti berikut.



RAJAH 2. Kerangka Konseptual

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dapat dijelaskan berdasarkan jadual 1 dan jadual 2 seperti di bawah.

JENIS MOTIVASI INTRINSIK YANG MEMPENGARUHI MURID SMK HARIAN TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA JEPUN

JADUAL 1.

Item	Saya berfikir tentang bahasa Jepun yang telah dipelajari di sekolah	
Jawapan	Jumlah responden	Peratus
Selalu	8	30%
Kadang-Kadang	19	70%
Tidak Pernah	0	0%
Item 2	Selain belajar bahasa Jepun di sekolah saya juga belajar di;	
Jawapan	Jumlah responden	Peratus
Media Massa / atas talian	25	93%
Pusat Tuisyen / Akademi Bahasa	0	0%
Kurang berminat	2	7%
Item 3	Jika bermasalah dalam pembelajaran bahasa Jepun saya akan;	
Jawapan	Jumlah responden	Peratus
Merujuk Guru	20	74%
Minta bantuan waktu peperiksaan	7	26%
Biarkan sahaja	0	0%

Jadual 1 menunjukkan faktor-faktor yang menjana motivasi terhadap pembelajaran bahasa Jepun mengikut susunan soalan dalam borang soal selidik yang sebenar. Jawapan responden bagi item 1 memperlihatkan hanya tiga puluh peratus (30%) sahaja responden yang memilih selalu berfikir tentang pembelajaran bahasa Jepun yang telah dipelajari. Seramai 19 responden memilih jawapan kadang-kadang sahaja. Jawapan ini disebabkan faktor pelajar SMK Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mengambil sekurang-kurangnya 11 mata pelajaran di peringkat Menengah Rendah. Oleh yang demikian, murid lebih menumpukan kepada latihan dan tugas subjek lain berbanding bahasa Jepun. Malahan dalam KSSM, murid bukan sahaja memberi tumpuan terhadap ilmu yang disampaikan oleh guru sebaliknya penerapan ilmu dalam bentuk komunikasi, perkembangan fizikal dan estetika, kemanusiaan, keterampilan diri, sains dan teknologi serta kerohanian, sikap dan nilai turut diperkenalkan dalam KSSM, Utusan Online (2017). Kesemua perkara yang dinyatakan merupakan tunjang utama dalam membentuk personaliti murid di sekolah.

Sehubungan dengan itu, dalam soalan item yang kedua, terdapat seramai 25 daripada 27 responden telah memilih media massa atau dalam talian sebagai pilihan jawapan yang tertinggi dalam bahagian motivasi intrinsik. Media massa terbahagi kepada dua jenis iaitu media cetak dan media elektronik. Media cetak boleh dikategorikan dengan bahan bercetak seperti majalah, komik, surat khabar dan sebarang bahan maujud yang melibatkan proses percetakan manakala media elektronik pula mengkategorikan televisyen, komputer, radio serta sebarang bahan audio visual. Seterusnya atas talian adalah segala bentuk bahan yang mempunyai akses atau capaian data. Semua jenis yang di senaraikan adalah merujuk

kepada cara belajar murid yang memilih media massa atau atas talian. Keputusan ini selari dengan kajian oleh Roslina et al. (2018) yang mendapati lebih tujuh puluh peratus (70%) responden menganggap minat terhadap pembacaan *manga* mahupun tontonan *anime* di media massa merupakan batu loncatan dalam menguasai kemahiran bahasa Jepun. Walau bagaimanapun, terdapat dua responden telah menandakan tidak berminat di ruangan jawapan. Minat berhubung kait dengan faktor alami murid itu sendiri. Tidak berminat kepada perkara yang tidak disukai, tidak mempunyai kepuasan diri atau hilang rasa ingin tahu tidak membantu responden mengatasi kelemahan diri untuk mencapai matlamat dalam pembelajaran bahasa.

Item ketiga berkaitan usaha yang dilaksanakan oleh responden jika berhadapan dengan masalah pembelajaran bahasa Jepun, seramai 20 orang responden (74%) telah memilih guru sebagai rujukan terus bagi mata pelajaran ini. Hal ini kerana responden tidak mempunyai rujukan kedua selain daripada guru bahasa Jepun tersebut. Bersandarkan kerangka konsep PAK 21 menggariskan 5 standard asas antaranya adalah kolaboratif. Proses kolaboratif hanya berlaku apabila terjadi muafakat antara guru dan murid secara aktif dan menyeluruh serta membolehkan berlaku pertukaran idea yang bernas serta menerima dan memberi pandangan terhadap sesuatu perkara yang berkaitan. Oleh yang demikian, murid harus mempunyai hubungan yang positif dengan guru serta menganggap guru sebagai individu yang boleh membantu sepanjang proses pembelajaran di sekolah.

JENIS MOTIVASI EKSTRINSIK YANG MEMPENGARUHI MURID SMK HARIAN TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA JEPUN

JADUAL 2.

Item 4	Ketika menyiapkan tugas bahasa Jepun di rumah;	
Jawapan	Jumlah responden	Peratus
Ibu bapa/penjaga membantu	5	19%
Ibu bapa/ penjaga membeli buku/bahan	17	63%
Biarkan sahaja	5	18%
Item 5	Rakan saya belajar bahasa Jepun dengan bersungguh-sungguh	
Jawapan	Jumlah responden	Peratus
Suka berkawan	8	30%
Kawan membantu	19	70%
Tidak berminat	0	0%
Item 6	Saya suka pengajaran guru Bahasa Jepun saya kerana;	
Jawapan	Jumlah responden	Peratus
Hadiah / Pujian	4	15%
Teknik / Aktiviti	17	63%
Bahan Bantu Belajar	6	22%

Jadual 2 menunjukkan bilangan jawapan bagi setiap item berkaitan motivasi ekstrinsik. Dalam bahagian ini item yang dinilai adalah ibu bapa, rakan dan guru sebagai faktor luar yang mendorong responden belajar bahasa Jepun. Pada item yang ke 4, responden telah memilih jawapan ibu bapa/penjaga membantu responden dengan memberi buku merupakan pilihan yang tertinggi. Seramai 17 orang responden telah membuat pilihan jawapan dalam item ini bahawa ibu bapa atau penjaga membeli buku dan bahan rujukan sebagai bantuan kepada proses pembelajaran. Jika dilihat daripada sudut geografi, Shah Alam merupakan bandar ibu negeri bagi Negeri Selangor Darul Ehsan, yang telah mendapat pengiktirafan sebagai bandaraya pada tahun 2000. Jumlah penduduknya dijangka menjangkau 700 ribu orang menjelang tahun 2020. Secara rasmi bandar raya ini digelar sebagai 'Bandar Raya Anggerik'. Shah Alam pernah terkenal dengan jolokan 'Bandar Perindustrian' kerana tertubuhnya kawasan-kawasan perindustrian yang menempatkan sejumlah kilang multinasional sekali gus banyak menyediakan peluang pekerjaan dan ekonomi hingga mempercepatkan pertumbuhan bilangan penduduk dan kepesatannya, Majlis Bandaran Shah Alam (MBSA 2019). Keadaan ini mengukuhkan lagi bahawa golongan ibu bapa muda yang tinggal di sekitar Shah Alam kebanyakannya bekerja dalam waktu perindustrian yang panjang yakni seawal jam 8 pagi dan kembali pulang jam 8 malam. Kekangan masa bersama keluarga mengakibatkan ibu bapa menyediakan buku/bahan rujukan sebagai kaedah terbaik membantu anak-anak untuk belajar.

Bagi item yang ke 5, tujuh puluh peratus (70%) menunjukkan kebergantungan kepada rakan untuk membantu dalam menyelesaikan tugas dan latihan. Item ini memperlihatkan responden menjawab soalan 'Rakan saya belajar bahasa Jepun dengan bersungguh-sungguh' menjelaskan responden mempunyai rakan yang bersifat positif. Rakan ini membantu responden menyelesaikan tugas atau latihan yang diberi dalam kelas ataupun luar kelas. Selain itu, rakan juga merupakan individu yang mempunyai peranan dalam mempengaruhi pencapaian akademik responden sebenarnya. Hal ini kerana, waktu persekolahan yang panjang selama 6 jam dan diikuti dengan kegiatan ko-kurikulum selama 3 jam menyebabkan masa bersama rakan menjadi lebih lama berbanding keluarga. Seterusnya dalam zaman peralihan kanak-kanak ke alam remaja rakan merupakan individu yang paling akrab serta mempunyai hubungan yang

erat berbanding adik beradik. Peratusan jawapan responden ini mengukuhkan lagi pendapat bahawa responden menganggap rakan merupakan individu yang banyak membantu dalam hal berkaitan dengan mata pelajaran bahasa Jepun.

Teknik dan aktiviti pengajaran guru yang menarik merupakan faktor ekstrinsik yang telah dipilih oleh responden. Dalam item 6 ini juga pujian atau hadiah sekadar menduduki pilihan yang ketiga oleh responden. Walau bagaimanapun perbezaan teknik dan aktiviti yang dilaksanakan oleh guru dalam pembelajaran bahasa Jepun lebih tinggi peratusannya iaitu sebanyak enam puluh tiga peratus (63%) dalam mempengaruhi pembelajaran bahasa Jepun responden berbanding dengan pilihan-pilihan yang lain. Guru bahasa Jepun harus mempunyai kemahiran serta menguasai teknik pengajaran yang sesuai. Hal ini bertepatan dengan visi dan misi PAK 21 yang memberi penekanan kepada guru sebagai pemudah cara. Guru perlu menjadi individu yang mampu menguasai teknik pengajaran serta melaksanakan aktiviti dalam kelas yang menyeronokkan untuk menarik minat murid belajar bahasa Jepun. Pembelajaran menyeronokkan amat memerlukan teknik pengajaran guru yang baik serta penglibatan aktif murid dalam kelas bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan pembelajaran murid.

Secara keseluruhannya penguasaan bahasa bukan natif memerlukan motivasi khusus untuk membantu murid menguasai bahasa sasaran tersebut. Berdasarkan dapatan kajian kepada dua objektif di atas, motivasi intrinsik murid lebih dominan berbanding dengan faktor-faktor luaran yang lain. Hal ini dapat dijelaskan dalam keputusan keseluruhan. Pilihan jawapan bahagian B item 2 memberikan keputusan jawapan yang paling tinggi. Item 2 adalah bahagian penilaian motivasi intrinsik. Responden bertindak untuk mempelajari bahasa bukan natifnya dengan pilihan media massa dan atas talian sebagai cara untuk belajar. Pemilihan jawapan ini boleh dihubungkan dengan minat. Minat yang dimaksudkan dalam hal ini adalah dengan kemahuan responden melayari laman sesawang atau menumpu kepada media massa sebagai salah satu cara untuk mendorong diri mengatasi kelemahan dalam penguasaan bahasa. Roslina et al. (2018) menjelaskan bahawa terdapat pelajar yang terdorong rasa minatnya belajar bahasa Jepun melalui pembacaan *manga* dan juga menonton *anime* di televisyen mahupun di laman sesawang. Inisiatif berdasarkan minat merupakan dorongan intrinsik

responden dilihat mampu meningkatkan kemahiran pelbagai aspek dalam pembelajaran bahasa Jepun.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Kesimpulannya, dalam pembelajaran bahasa Jepun murid bukan natif, responden memilih pembelajaran sendiri dengan media massa dan atas talian sebagai pilihan jawapan yang tertinggi. Item 2 ini merupakan item kategori motivasi intrinsik. Oleh yang demikian motivasi intrinsik lebih dominan mempengaruhi responden dalam memilih kaedah pembelajaran bahasa Jepun di luar waktu persekolahan.

Selain itu, rakan merupakan motivasi ekstrinsik yang dipilih oleh responden di item 5. Responden memilih rakan sebagai pengaruh terbesar dalam pembelajarannya berbanding ibu bapa atau penjaga mahupun guru. Pernyataan ini dipersetujui oleh lebih daripada separuh responden dengan peratusan sebanyak tujuh puluh peratus (70%). Hal ini dilihat bahawa pengaruh positif rakan sebaya dalam kalangan remaja sangat perlu pada peringkat persekolahan.

Kajian ini dicadangkan perlu dilaksanakan ke seluruh negeri Selangor untuk melihat pengaruh motivasi yang dominan dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Jepun. Selain itu pemboleh ubah juga boleh ditambah kepada aspek sikap, emosi dan personaliti pelajar.

RUJUKAN

- Aditya Kamajaya Putra dan Agus Frianto. 2018. Pengaruh Motivasi Intrinsik dan Motivasi Ekstrinsik Terhadap Kepuasa Kerja. *BISMA* 6(1): 59-66.
- Bandar Perindustrian Moden. Dicapai dari, http://www.mbsa.gov.my/ms-my/infoshahalam/kenalishahalam/Halaman/bandar_perindustrian.aspx. [Diakses pada 10 April 2019.]
- Hayati Ismail. 2018. Pembelajaran Abad ke-21: Harapan, realiti dan cabaran Dicapai dari, <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/pembelajaran-abad-ke-21-harapan-realiti-dan-cabaran-1.590819>. [Diakses pada 10 April 2019.]
- Embassy of Japan in Malaysia. 2019. Scholarship Information. Dicapai dari, https://www.my.emb-japan.go.jp/itpr_en/scholarship.html. [Diakses pada 8 April 2019.]
- Gagné, F. 1998. A Proposal for Subcategories Within Gifted or Talented Populations. *Gifted Child Quarterly* 42(2): 87-95.
- Gardner, W. L., Avolio, B. J., Luthans, F., May, D. R. & Walumbwa, F. 2005. "Can You See the Real Me?" A Self-Based Model of Authentic Leader and Follower Development. *The Leadership Quarterly* 16(3): 343-372.
- Gardner, R. C. & Lambert, W. E. 1972. *Attitudes and Motivation in Second Language Learning*. Rowley, MA: Newbury House Publishers.
- Hakimi Ismail. 2016. KSSM Bermula 2017. Dicapai dari, <http://www.utusan.com.my/pendidikan/kssm-bermula-2017-1.422003>. [Diakses pada 10 April 2019.]
- Hidayatul Akmal Ahmad. 2018. Mahir Bahasa Asing Buka Lebih Peluang Kerja. Dicapai dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/03/396747/mahir-bahasa-asing-buka-lebih-peluang-kerja>. [Diakses pada 28 Mac 2019.]
- Jabatan Pendidikan Tinggi. Dicapai dari, <http://jpt.mohe.gov.my/portal/>. [Diakses pada 30 Mac 2019.]
- Japanese Language. 2017. Dicapai dari <https://www.jfkl.org.my/>. [Diakses pada 30 Mac 2019.]
- Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Dicapai dari, <http://bpk.moe.gov.my/index.php/terbitan-bpk/buku-panduan-pelaksanaan-kssr-kssm>. [Diakses pada 1 April 2019.]
- Muhamad Aizat bin Nordin & Siti Huzafah binti Mohammad. 2018. Hubungan Antara Motivasi Kendiri Dengan Pencapaian Matematik Pelajar Tingkatan 5 di Daerah Rompin. *e-Proceedings National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'18)*: 1-10.
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Norsyahirah Ngah@Muhammad. 2018. Tahap Motivasi dan Tanggapan Pembaca Matang Terhadap Naskhah Terbitan Buku Fixi. *e-Academia Journal* 7(2): 122-129.
- Mohammad Shatar Sabran. 2005. *7 Tips & Rahsia Kecemerlangan Akademik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Nurul Najwa Ahmad Yalani & Noor Raudhiah Abu Bakar. 2017. Tahap penguasaan bahasa Inggeris dan faktor-faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhinya di kalangan pelajar sebuah IPTS di Selangor. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* 5(6): 20-28.
- Ridzuan Masri, Arman Ahmad & Razlina Abd Rani. 2018. Teori Maslow dalam Konteks Memenuhi Keperluan Asas Pekerja dan Perannya dalam Meningkatkan Prestasi Organisasi: Kajian dan Perspektif Islam. *Jurnal Hadhari* 10(1): 1-27.
- Rohaty Mohd. Majzub. 1992. *Psikologi Perkembangan untuk Bakal Guru*. Shah Alam: Siri Pendidikan Fajar Bakti
- Roslina Mamat, Roswati Abdul Rashid, Hazlina Abdul Halim & Nor Shahila Mansor. 2018. Penggunaan Manga dan Anime Sebagai Media Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar Bahasa Jepun di Universiti Awam Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysia* 34(3): 298-313.
- Rosmaza Sukardi, Harun Baharudin & Maimun Aqsha Lubis. 2016. Konsep Gamification Sebagai Kaedah Meningkatkan Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. *Kolokium Pendidikan Bahasa Arab 2016 (KOLBAR 2016)*: 128-235.
- Saedah Siraj. 1996. *Motivasi dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Survey on Japanese-Language Education Abroad. 2017. Dicapai dari, <https://www.jpfe.go.jp/e/project/japanese/survey/result/survey15.html>. [Diakses pada 1 April 2019.]
- Wan Rafei Abdul Rahman. 1993. *Psikologi dalam konteks: Satu Pendekatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri Chik, Abdul Hakim Abdullah, Habsah Muda & Istikomah. 2018. Peranan Faktor Demografik dalam Hubungan Antara Motivasi, Gaya Pembelajaran, Disiplin Pembelajaran dan Pencapaian Akademik Pelajar. *Halaqa: Islamic Education Journal* 2(1): 101-116.

Nor Sahayu Hamzah
Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM
Emel: norsahayu.hamzah@gmail.com

Zaid Mohd Zin
Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM
Emel: zaidmz@upm.edu.my

Mohd Abdul Ghafar Mohd Ghazali
Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM
Emel: qhafarghazali@gmail.com

Diserahkan: 29 Mac 2019
Diterima: 28 Jun 2019